

## **Pusat Rawatan Alternatif Islam di Malaysia: Analisis terhadap Latar Belakang Pengasas dan Isu Penggunaan Jin dalam Rawatan<sup>1</sup>**

Khadher Ahmad<sup>2</sup>  
Mohd Farhan Md Ariffin<sup>3</sup>  
Ishak Suliaman<sup>4</sup>

### **Abstrak**

Mutakhir ini, pusat rawatan alternatif berteraskan “rawatan Islam” semakin berkembang sejajar dengan permintaan dan perhatian masyarakat awam. Namun, masih timbul persoalan sama ada semua pusat tersebut menepati ciri-ciri pengubatan Islam yang berteraskan konsep *al-Ṭibb al-Nabawī*. Melalui metode pemerhatian dan soal selidik, makalah ini meneliti latar belakang pengasas pusat berkenaan serta pandangan mereka terhadap penggunaan jin dalam rawatan penyakit di 70 pusat rawatan alternatif Islam. Hasilnya, didapati latar belakang para pengamal atau pengasas pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia adalah berbeza dari pelbagai sudut seperti tahap pendidikan, agama, sumber ilmu pengubatan dan keterlibatan dalam pengubatan. Pada masa yang sama juga, mereka turut berbeza pandangan mengenai penggunaan jin sebagai pembantu dalam rawatan penyakit. Akhirnya, dapat disimpulkan bahawa perlunya sikap berhati-hati ketika mendapatkan khidmat rawatan penyakit di pusat rawatan alternatif Islam kerana tidak semua pusat rawatan mengikut batasan syariat.

**Kata kunci:** pusat rawatan alternatif Islam, pengasas, penggunaan jin, rawatan patuh syariat

---

<sup>1</sup> Makalah ini adalah sebahagian hasil penyelidikan yang dijalankan di bawah geran penyelidikan Universiti Malaya tahun 2013, nombor rujukan UMRG 419-12 HN, Pusat Rawatan Alternatif Berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah: Kajian di Malaysia.

<sup>2</sup> Khadher Ahmad, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: khadher82@um.edu.my.

<sup>3</sup> Mohd Farhan Md Ariffin, adalah pelajar Sarjana Usuluddin di Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: al.muqarrobiin@gmail.com.

<sup>4</sup> Ishak Suliaman, PhD, adalah Profesor Madya di Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: ishakhs@um.edu.my.

***Alternative Islamic Treatment Centres in Malaysia: an Analysis on Its Founders' Background and the Use of Genie for Treatment***

***Abstract***

*Recently, alternative treatment centres based on Islamic treatment seem to be growing in keeping with its demands and community's attentions. However, there are questions whether these centres conform to the standard of Islamic treatment with is based on the concept of al-Tibb al-Nabawī. Employing the method of observation and questionnaire, this article examines the founders' background and their view on the using of genie for treatment at 70 locations. As a result, it is found that their backgrounds are diverse from perspectives such as education, religion, source and involvement. Similarly, they also are of different opinions on the use of genie. Finally, it can be concluded that there is a need for the people to be more cautious in seeking these treatments since not all comply with the requirement of shari'ah.*

***Keywords:*** *alternative Islamic treatment centres, founders, use of genie, shari'ah compliance treatment*

**Pendahuluan**

Sambutan terhadap rawatan alternatif bercorak rawatan Islam mahupun tradisional di Malaysia kini dilihat semakin menggalakkan. Pusat-pusat rawatan alternatif tersebut menggunakan pelbagai pendekatan dalam rawatan yang ditawarkan. Antaranya pengubatan berasaskan doa-doa atau ayat-ayat al-Qur'an yang disebut "*rawatan Islam*," pengubatan homeopathy, pengubatan aura (reiki), pengubatan berasaskan warna (terapi warna), pengubatan berasaskan herba dan lain-lain.

Dalam tempoh yang terdekat ini, didapati bahawa pengubatan yang bertunjangkan "*rawatan Islam*" semakin berkembang dan tumbuh dengan pesat serta mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat. Situasi ini meletakkan pusat rawatan alternatif Islam semakin diterima sebagai medium untuk rawatan penyakit selain peranan hospital atau klinik kesihatan. Persoalannya, adakah para pengamal pengubatan alternatif ini mempunyai kelayakan yang sewajarnya atau mempunyai kredibiliti tertentu yang melayakkan mereka untuk mengasaskan atau menubuhkan pusat rawatan berasaskan Islam tersebut? Kemudian, adakah semua pusat jenis perkhidmatan rawatan yang ditawarkan boleh diterima sebagai suatu pendekatan rawatan Islam

atau sebaliknya? Penting untuk mengetahui aspek latar belakang pengasas pusat rawatan alternatif Islam serta jenis rawatan serta bentuk rawatan yang ditawarkan agar benar-benar mengikut lunas syariat Islam berpandukan kepada kefahaman terhadap al-Qur'an dan sunnah Nabi SAW. Justeru dapat mengelak daripada timbul fitnah dan tuduhan yang tidak benar terhadap agama Islam itu sendiri melalui pengubatan ini. Padahal kesalahan itu bukan pada ajaran Islam tetapi kesilapan atau salah faham daripada pengamalannya itu sendiri. Oleh yang demikian, pusat rawatan alternatif Islam bertanggungjawab terhadap kesejahteraan manusia serta boleh membantu dalam menghindari segala keraguan yang mampu menghilangkan keyakinan masyarakat terhadap kesahihan dan keberkesanan pengubatan Islam.

### **Skop dan Metodologi**

Makalah ini memberikan tumpuan perbincangan terhadap tiga aspek utama iaitu: Pertama; perbincangan terhadap latar belakang pengasas pusat rawatan Islam. Kedua; perbincangan terhadap perkara yang berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan di pusat rawatan alternatif Islam secara terperinci. Ketiga; Perbincangan terhadap penggunaan jin menurut pandangan pengasas pusat rawatan alternatif. Keseluruhan perbincangan adalah berdasarkan kepada data terhadap penelitian dan pemerhatian yang dilakukan secara lapangan terhadap tujuh puluh (70) pusat rawatan alternatif Islam. Terdapat tiga kategori pusat rawatan alternatif Islam iaitu pusat rawatan yang berasaskan kepada penggunaan *ruqyah syar'iyah*, amalan bekam, dan rawatan berasaskan aura (batin). Selain itu, metode temu bual dan borang kaji selidik turut digunakan dalam proses pengumpulan data yang berkaitan.

Kajian ini amat penting dalam usaha untuk mendapatkan data tepat daripada sumber utama memandangkan belum ada lagi usaha untuk mengumpulkan maklumat lengkap terhadap para pengasas dan pengamal pengubatan alternatif Islam di Malaysia. Bahkan, belum ada lagi badan berpusat yang menguruskan perjalanan pusat-pusat rawatan alternatif tersebut melainkan segala operasi dan perjalanan pusat rawatan diuruskan oleh individu pengasasnya sendiri atau melalui persatuan dan pertubuhan kebajikan sahaja. Dalam pada itu, kajian ini turut mengutip pandangan para pengasas pusat rawatan yang juga selaku pengamal pengubatan

alternatif terhadap penggunaan jin dalam rawatan penyakit. Pandangan ini dapat dimanfaatkan untuk meneliti secara keseluruhan perkhidmatan rawatan yang ditawarkan sama ada bercanggah dengan tuntutan syariat ataupun tidak.

Antara pusat rawatan yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti pusat rawatan Islam yang diasaskan melalui sesuatu pertubuhan atau persatuan seperti Darussyifa', Persatuan Perubatan Islam Darussalam dan Pusat Rawatan Islam al-Manarah (PRIM), atau berteraskan syarikat perniagaan, atau premis tertentu, atau beroperasi di kediaman peribadi dan ada yang bergerak secara solo dan berkumpul tanpa sebarang premis. Antaranya seperti Perubatan Islam al-Hidayah, Sinar Zamdurrani, Pusat Rawatan Islam Darul Ruqiyah, Pusat Rawatan Sinar Nur, Pusat Rawatan Terapi Hikmah (Kedai Bekam dan Resdung), Kartika Buana: Pusat Rawatan Tradisional Islam Berasaskan al-Qur'an dan Pusat Rawatan Qalbun Sakinah yang bergerak dalam sebuah premis khusus. Manakala Akademi Rawatan Islam Nur Ehsan (AKRINE), Pusat Rawatan Islam Gshahmisteri, Rawatan Islam Darul Manzil (RIDAM), Pusat Rawatan Ikhtiar Darul Syifa' (PURIDAS), Pusat Rawatan Islam al-Madani (PRIA), Pusat Rawatan Teknologi al-Qur'an dan Asma al-Husna, Perubatan Islam 7 Puteri, dan Pusat Rawatan Islam al-Mustaqim yang merupakan antara pusat rawatan Islam yang beroperasi berhampiran dengan kediaman pengasas.<sup>5</sup>

### **Hasil dan Dapatan Kajian**

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, terdapat tujuh puluh (70) pusat rawatan alternatif Islam yang telah dikenal pasti dan menjadi tempat kajian ini dijalankan. Senarai di bawah menunjukkan senarai nama tujuh puluh (70) pusat rawatan alternatif Islam tersebut.

---

<sup>5</sup> Khadher Ahmad, "Analisis Hadith-hadith Mengenai Rawatan Sihir dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia" (Tesis kedoktoran, Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 195-198.

Senarai 1: Senarai pusat rawatan alternatif Islam tersebut boleh dilihat dalam senarai di bawah:

Perlis

1. Pusat Perubatan Islam Al-Islah

Kedah

1. Pusat Rawatan Islam Al-Mustaqim
2. Pusat Rawatan Alam Ghaib
3. Azlina Terapi Tradisional (138 Beauty Centre)
4. Pusat Rawatan Aura Zikir
5. Pusat Rawatan Qalbun Sakinah
6. Pusat Rawatan Alternatif Aura Nur Hikmah
7. Pusat Rawatan Tradisional Jabal Nur
8. Pusat Rawatan Amal
9. Pusat Rawatan Terapi Al-Qur'an Darul Hikmah
10. Pusat Terapi Ruqyah Syar'iyah

Perak

1. Pusat Rawatan Islam dan Tarbiah Ilmu Darun Nuraniyyah
2. Pusat Rawatan Al-Qur'an, Akupunktur, Bekam, Homeopati Ar-Ridhwan
3. AZBUDI Pusat Perubatan Homeopati dan Naturopati
4. Pusat Rawatan Islam Al-Taqwa
5. Pusat Rawatan Islam Ruqyah Isra'

Selangor

1. Pusat Rawatan Islam Al-Manarah
2. Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (DARUSSYIFA')
3. Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia
4. Pusat Rawatan Islam IQ Insan
5. D'Urut Hanafi
6. Pusat Rawatan Islam Sepohon Jadi (PRAWIS)
7. Pusat Rawatan Alternatif Rumah Sihat (Bekam Terapi Moden Malaysia)
8. Pusat Rawatan Islam Nur Muhammad
9. Pusat Perubatan Islam Kasturi
10. El-Fesfanji Islamic Traditional Medicine

11. Pusat Rawatan Islam Sinar Zamdurrani
12. Pusat Rawatan Alternatif Nur Islam (PUSRANI)
13. Thibbun Nabawi Healing Centre
14. Pusat Terapi Hikmah (Kedai Bekam dan Resdung)
15. Pusat Rawatan Islam: Penawar Sihir dan Saka
16. Pusat Bekam Sunnah: Nurul Sunnah Entreprise
17. Pusat Rawatan Traditional Aura Nusantara
18. Pusat Rawatan Islam Al-Hidayah
19. Pusat Rawatan Komplimentari Islam Yashfien
20. Pusat Rawatan Kasturi Syifa'
21. ISMAK (Islamic Medicine of Al-Kausar) Ruqyah
22. Pusat Rawatan Islam Darul Ruqiyah
23. Akademi Rawatan Islam Nur Ehsan (AKRINE)
24. Nan S Spa Centre (Pusat Rawatan Bekam Nans)
25. Kumpulan Perawat Bandar Tasik Puteri Rawang Selangor (PEBATAP)
26. Mohd Baitussyifa' (Rawatan Traditional Secara Islam)

#### Kelantan

1. Pusat Rawatan Tradisional Al-Tunjuniah Al-Fununiah
2. Pusat Rawatan Tradisional Khairey
3. Pusat Rawatan Tradisional dan Bekam
4. Pusat Rawatan Walinur Syifa'
5. Pusat Rawatan Qalbun Asrar

#### Terengganu

1. Pusat Rawatan Ikhtiar Darul Syifa' (PURIDAS)
2. Pusat Perubatan Holistik dan Alternatif
3. Pusat Rawatan Komplimentari Al-Syufia: Bekam dan Refleksologi
4. Pusat Rawatan Islam Darul Manzil (RIDAM)
5. Pusat Rawatan Islam Badan Ukhwah Darul Iman – (BUDI LOSONG)

#### Pahang

1. Pusat Rawatan Islam Kiswah: Terapi Ruqyah Syar'iyah
2. Pusat Rawatan As-Syifa'

### Negeri Sembilan

1. Pusat Perubatan Traditional Delima Nurrun Nubuwwah
2. Pusat Rawatan Ruhaniah
3. Pusat Rawatan Islam At-Tobibi

### Melaka

1. Pusat Rawatan Aura Syifa'
2. Pusat Perubatan Islam 7 Puteri
3. Pusat Rawatan Islam Al-Fatah (TIAF)
4. Pusat Rawatan Alternatif Rohaimi

### Johor

1. Pusat Rawatan Alternatif Tradisional Salleh
2. Pusat Rawatan Islam Shah Misteri
3. Baitul Syifa' Kersani (Kersani Training dan Consultancy)
4. Pusat Terapi Islam Al-Barokah
5. Pusat Rawatan Islam TAPEDIRI 65 (Taqwa, Pertahanan Diri dan Rawatan Islam)
6. Pusat Rawatan Darul 'Illaj (Pusat Rawatan Islam dan Homeopati)
7. Pusat Perubatan Ahmadiyah Sufi
8. Pusat Rawatan Islam Permata Syifa' (Rawatan Bekam Moden dan Terapi Herba)

Daripada kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa terdapat 26 pusat rawatan alternatif yang beroperasi di Selangor, 10 pusat rawatan alternatif di Kedah, lapan di Johor, masing-masing lima di Perak, Kelantan dan Terengganu, empat di Melaka, tiga di Negeri Sembilan, dua di Pahang dan satu di Perlis. Data ini menunjukkan bahawa, sekalipun pada masa kini dilengkapi dengan kecanggihan teknologi keperluan manusia terhadap pengubatan yang berasaskan kepada rawatan spiritual atau rohani adalah sangat mendesak yang tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada pengubatan fizikal di hospital semata-mata. Namun, keperluan kepada pengubatan alternatif lain yang dapat membantu ke arah penyembuhan penyakit manusia.


Berdasarkan kepada kajian lapangan yang telah dijalankan antara tahun 2012 hingga 2013 terhadap para pengasas dan

pengamal pengubatan alternatif Islam di Malaysia, hasil kajian tersebut dapat dirumuskan seperti maklumat berikut:

### **Latar Belakang Pengasas Pusat Rawatan Alternatif Islam di Malaysia**

Bagi Kajian Terhadap Latar Belakang Pengasas pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia, metodologi pengumpulan data adalah melalui edaran borang soal selidik serta temu ramah berstruktur. Aspek yang diberi perhatian utama terhadap pengasas pusat rawatan alternatif adalah terhadap enam (6) aspek iaitu jantina, umur, tahap pendidikan, latar belakang agama, sumber ilmu pengubatan dan penglibatan dalam pengubatan.

#### **Pertama: Jantina Pengasas**




Berkenaan jantina para pengasas pusat rawatan Islam di Malaysia, pengkaji mendapati bahawa sebanyak enam puluh lima (65) buah pusat rawatan Islam diasaskan oleh kaum lelaki dan selebihnya sebanyak lima (5) diasaskan oleh kaum wanita. Pusat rawatan alternatif yang diasaskan oleh wanita tersebut adalah [1] Azlina Terapi Tradisional (138 Beauty Centre) di Sungai Petani, Kedah yang diasaskan oleh Nor Azlina Binti Abu Bakar; [2] Pusat Rawatan Islam Al-Taqwa, Kampung Tg. Husin Baru, Manjoi, Perak yang diasaskan oleh Sharifah Nashrah An-Nadia; [3] Pusat Rawatan Tradisional Al-Tunjuniah Al-Fununiah, Kampung Tunjung, Kota Bharu, Kelantan yang diasaskan oleh Nor Aini Binti Ismail; [4] Pusat Rawatan Komplimentari Al-Syufia: Bekam dan Refleksologi, Dungun, Terengganu, yang diasaskan oleh Jamillah Binti Abdullah; dan [5] Thibbun Nabawi Healing Centre,



Setapak Jaya, Kuala Lumpur yang diasaskan oleh Wan Zuraini Binti Anuar.

Jadi, kebanyakan pusat rawatan alternatif Islam dimonopoli oleh kaum lelaki. Meskipun begitu, wanita masih memainkan peranan dalam rawatan walaupun pengasasnya adalah lelaki terutamanya bagi mengubat pesakit wanita. Hal ini kerana, sebahagian pusat rawatan alternatif, para pengasas dibantu oleh isteri mereka sendiri dan kadang kala bertindak sebagai pembantu tetap dalam membantu menjalankan rawatan penyakit khususnya terhadap pesakit wanita.

### Kedua: Umur Pengasas Pusat Rawatan Alternatif Islam




Merujuk kepada graf di atas, menunjukkan majoriti pengasas pusat rawatan alternatif adalah berumur antara 30 hingga 40 tahun iaitu mewakili sebanyak dua puluh lapan (28) orang. Kemudian, diikuti oleh golongan pengasas yang berumur 41 hingga 50 tahun iaitu dua puluh (20) orang. Pada peringkat umur 51 tahun ke atas, terdapat sembilan belas (19) pengasas pusat rawatan Islam “*senior*” yang sebenarnya menjadi “*mentor*” dan guru kepada para perawat lapisan umur terkemudian. Sedangkan pada tahap umur 18-29 tahun mewakili umur muda, hanya tiga (3) orang pengasas yang membuka pusat rawatan alternatif Islam.

Pengkaji melihat bahawa pada peringkat umur 41 hingga 50 tahun, para pengasasnya sudah matang, berpengalaman dan sedia untuk menjalankan rawatan dengan ilmu yang dituntut sebelumnya. Hal ini juga menjadikan seseorang itu lebih berkeyakinan terhadap apa yang dimilikinya dan mendorong kepercayaan serta keyakinan pesakit terhadap rawatan yang

dilakukan. Penentuan terhadap umur pengasas ini penting bagi mengetahui golongan yang memainkan peranan penting dalam pengubatan alternatif ini. Daripada penjelasan tersebut jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pusat rawatan alternatif Islam, pengasasnya adalah dari kalangan lelaki atau wanita yang telah cukup matang dan bukan dari kalangan pemuda bawah 30 tahun. Walaupun demikian, tidak dinafikan golongan pengasas yang masih berumur muda yakni bawah 30 tahun turut memainkan peranan mereka.

### **Ketiga: Tahap Pendidikan Pengasas Pusat Rawatan Islam**




Berkenaan tahap pendidikan para pengasas pusat rawatan Islam, majoritinya hanya mendapat pendidikan sehingga ke tahap sekolah menengah sebelum terus menuntut ilmu dari guru-guru berkelayakan dalam bidang perubatan Islam iaitu seramai dua puluh (20) orang. Namun, jumlahnya tidak jauh berbeza dengan pengasas dari lapangan IPT dalam negara dan IPT luar negara yang masing-masing seramai sembilan belas (19) dan lapan belas (18) orang. Manakala tahap pendidikan pengasas pusat rawatan Islam yang paling sedikit ialah pada peringkat pendidikan tahap diploma/STPM iaitu seramai lima (5) orang, pondok pesantren seramai enam (6) orang dan sekolah rendah dua (2) orang. Peratusannya dapat dilihat pada graf di atas.

*Analisis:* Merujuk kepada maklumat ini, penting untuk mengetahui latar belakang tahap pendidikan setiap pengasas bagi mengetahui tahap pemikiran mereka. Pengetahuan tentang tahap pendidikan ini turut mempengaruhi penguasaan dan kesedaran mereka terhadap ilmu khususnya tentang ilmu pengubatan Islam

serta ilmu-ilmu Islam yang lain. Hal ini bagi mengelak daripada wujudnya pengamalan kaedah yang bercanggah dengan tuntutan syariat Islam secara tidak langsung.

#### **Keempat: Latar Belakang Agama Pengasas Pusat Rawatan Islam**




Berdasarkan tahap pendidikan pengasas pusat rawatan Islam, dapat disimpulkan bahawa empat puluh empat (44) orang pengasas pusat rawatan Islam terdiri golongan ustaz dan dua puluh enam (26) golongan yang bukan ustaz. Golongan ustaz merupakan kumpulan pengasas yang mempunyai latar belakang pendidikan agama dan golongan yang arif dalam hal ilmu agama.

*Analisis:* Berhubung dengan maklumat ini, dapat diketahui bahawa daripada 70 pusat rawatan alternatif yang dikaji, hanya 44 atau 37 peratus sahaja pengasasnya adalah dari kalangan orang yang faham tentang agama atau mempunyai latar belakang agama Islam. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana antara faktor kepada penyelewengan dalam bidang ini adalah disebabkan kurangnya pengetahuan agama yang sebenar sehingga menghalalkan sebahagian perkara yang diharamkan. Menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat, apabila seseorang perawat atau pengasas itu boleh melakukan rawatan, terus dilabelkan sebagai “ustaz” sekalipun terdiri daripada orang yang tidak langsung mengetahui selok-belok agama. Sedangkan gelaran “ustaz” itu adalah merujuk kepada mereka yang benar-benar menguasai ilmu agama. Oleh yang demikian, hal ini perlu diberikan perhatian supaya apabila mereka melakukan rawatan, dititikberatkan tentang syariat Islam seperti penjagaan aurat,

hubungan antara lelaki dan wanita bukan muhrim, sentuhan berlainan jantina dan sebagainya. Ini bermakna, dalam pengubatan, bukan bermakna bahawa matlamat mengubati penyakit itu menghalalkan caranya. Melainkan mesti dipandu oleh landasan syariat Islam.


### **Kelima: Sumber Ilmu Pengubatan Pengasas Pusat Rawatan Islam**



Seterusnya adalah berkaitan sumber ilmu pengasas pusat rawatan Islam. Majoriti pengasas pusat rawatan Islam mendapat atau mempelajari ilmu perubatan Islam secara berguru iaitu sebanyak sembilan puluh (90) peratus atau seramai enam puluh tiga (63) orang. Manakala yang selebihnya pula mendapat dan mempelajari ilmu perubatan Islam dengan cara yang diragui kesahihannya seperti dari mimpi, kebolehan sendiri, anugerah dan ilham.

*Analisis:* Daripada maklumat ini, jika sumber asal ilmu pengubatan itu adalah daripada berguru, ini bermakna bahawa ia menepati tuntutan syarak iaitu ilmu itu dipelajari daripada guru yang berautoriti. Manakala, jika sumber itu bersumberkan mimpi, kebolehan sendiri atau semata-mata ilham bukan merupakan cara mendapatkan apa jua ilmu khususnya ilmu agama. Nabi SAW sendiri mendapat ilmu melalui tunjuk ajar Allah SWT dan dipandu oleh malaikat Jibril a.s. Jika kita mendakwa mendapat ilmu melalui mimpi, siapakah gurunya? Demikian juga, ilham juga bukan sumber ilmu kerana ilham bukannya sentiasa datang kepada seseorang melainkan kadang kala sahaja berdasarkan kehendak Allah SWT. Bahkan, pemberian ilham itu tidak pula menyalahi landasan syariat.

### Keenam: Keterlibatan Pengasas Pusat Rawatan Islam




Akhirnya, daripada tujuh puluh (70) pengasas pusat rawatan Islam yang menjadi subjek kajian, pengkaji mendapati bahawa lima puluh empat (54) orang pengasas pusat rawatan Islam terlibat dan mengendalikan pusat rawatan Islam masing-masing secara sepenuh masa dan diabadikan sebagai mata pencarian rezeki. Manakala selebihnya iaitu sebanyak enam belas (16) orang pengasas lain hanya mengendalikan pusat rawatan secara separuh masa dan mempunyai kerjaya lain sebagai kakitangan awam dan swasta.

*Analisis:* Dalam isu ini, dapat dinyatakan bahawa sebahagian daripada tujuan utama penubuhan sesuatu pusat rawatan adalah atas matlamat untuk mencari sumber pendapatan. Kenyataan ini merujuk kepada 77 peratus atau 54 pengasas yang menjalankan operasi rawatan secara sepenuh masa sedangkan hanya 23 peratus sahaja separuh masa. Oleh sebab itu, timbul isu apabila sebahagian pusat rawatan alternatif yang mengenakan bayaran perkhidmatan rawatan yang dijalankan terlalu tinggi atau mencekik darah pesakit. Bahkan, ada juga yang mengambil kesempatan dengan mengenakan pelbagai bayaran seperti yuran pendaftaran, mewajibkan pembelian produk yang ditawarkan, upah khusus dan sebagainya lain. Sedangkan, dalam Islam sekalipun dibenarkan untuk mengambil upah, tetapi selagi ia tidak membebankan pesakit itu sendiri. Dalam isu ini juga, dapat dinyatakan bahawa sambutan masyarakat terhadap pengubatan alternatif adalah sangat menggalakkan.

### Latar Belakang Pusat Rawatan Alternatif Islam di Malaysia

Selanjutnya, daripada hasil kajian yang dilakukan melalui metode temu bual dan borang kaji selidik terhadap tujuh puluh (70) pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia, data-data yang disimpulkan adalah seperti berikut:

#### Pertama: Faktor Penubuhan Pusat Rawatan Islam



Faktor penubuhan pusat rawatan Islam yang utama ialah atas dasar khidmat atau membantu anggota masyarakat yang menderita kesakitan, penyakit, gangguan mistik dan lain-lain, iaitu sebanyak dua puluh (20) buah pusat rawatan. Para pengasas pusat rawatan ini terpenggil untuk menubuhkan pusat rawatan alternatif Islam oleh kerana berleluasanya sihir dan konco-konconya pada masa kini. Namun, sehingga kini walaupun pusat rawatan Islam makin banyak dan tumbuh bagaikan cendawan, namun gangguan dan masalah berkaitan dengan bidang perubatan Islam juga makin bertambah seiring dengan pertumbuhannya.

Di samping itu, permintaan anggota masyarakat yang semakin hari semakin ramai juga menggalakkan pertumbuhan pusat rawatan Islam. Sebanyak sembilan (9) pusat rawatan Islam ditubuhkan atas permintaan anggota masyarakat. Perawat Islam yang pada dasarnya merawat orang ramai atas dasar suka-suka dan ingin membantu, akan tetapi mempunyai kemahiran dan kaedah rawatan yang tinggi dan terbukti mujarab, golongan inilah yang selalunya didorong oleh kehendak masyarakat agar membuka

sebuah pusat rawatan Islam khusus untuk menyenangkan proses rawatan tanpa perlu pesakit bersesak-sesak ke rumah perawat.

Faktor ketiga yang mendorong penubuhan pusat rawatan Islam ialah atas dasar dakwah. Dakwah yang dinyatakan di sini adalah demi menjaga akidah perawat dan akidah pesakit agar tidak terjerumus ke jurang kesesatan dan hanya mencari perubatan yang berkonsepkan Islam, yang mana terbukti lebih selamat dan diredai kesembuhannya dengan izin Allah SWT. Seterusnya, faktor keempat penubuhan pusat rawatan Islam ialah disebabkan kesedaran perawat itu sendiri. Kesedaran ini termasuklah kesedaran untuk mendekati diri kepada Allah SWT dengan mempelajari ilmu agama yang tersirat di sebalik ilmu perubatan Islam, melarikan diri dari fitnah dan godaan dunia, mencari inisiatif kaedah rawatan lain daripada kaedah rawatan Barat yang terbukti mempunyai kesan sampingan buruk hasil penggunaan ubat-ubatan berasaskan dadah selain perlu bergantung kepada ubat-ubatan sepanjang hidup bagi yang menghidap penyakit kronik.


Selanjutnya, peristiwa silam dan sejarah hitam juga mendorong para perawat untuk menubuhkan pusat rawatan Islam. Para perawat yang rata-ratanya pernah disihir, diganggu atau mempunyai ahli keluarga yang sakit yang kemudiannya sembuh dengan kaedah rawatan Islam telah membuka pusat rawatan Islam. Mereka ini cukup yakin dengan kaedah rawatan Islam sehingga terdorong untuk membantu orang lain yang pernah menderitai penyakit dan kepayahan yang sama. Minat dalam ilmu perubatan Islam juga memainkan peranan penting yang menggalakkan pertumbuhan pusat rawatan Islam. Minat yang disemai dengan proses pembelajaran dengan guru-guru perubatan Islam yang berkelayakan pasti akan subur dan bercambah ilmu serta pengalaman. Hal inilah yang mendorong empat (7) buah pusat rawatan Islam untuk menubuhkan pusat rawatan mereka sendiri. Mereka biasanya akan merawat pesakit dan kemudiannya akan merekrut perawat-perawat muda yang mempunyai minat yang sama agar dapat seiring dalam membantu mereka yang dalam kesusahan.

Ketujuh, elemen keturunan dari salasilah keluarga yang mahir merawat juga mendorong para perawat yang terkemudian untuk membuka pusat rawatan Islam. Ilmu perubatan yang diwarisi

daripada ayah, ibu, datuk dan nenek lantas mempengaruhi generasi terkemudian yang ingin meneruskan legasi keluarga mereka. Kelapan, amanat dari para guru, ibu bapa serta alim ulama' juga antara punca penubuhan sesebuah pusat rawatan. Namun, elemen ini tidak begitu banyak, akan tetapi ia tetap dipuji kerana menunaikan dan melaksanakan amanah yang diberikan dengan penuh sabar dan tabah.

Selain itu, pusat rawatan Islam juga ditubuhkan khusus untuk membiayai elemen sosial dalam masyarakat. Hal ini termasuklah untuk membiayai biaya sekolah anak-anak yatim dan pondok. Hal ini dilakukan dengan menyalurkan wang yang diperolehi daripada rawatan yang dijalankan di pusat rawatan digunakan untuk kesenangan dan manfaat orang lain. Akhir sekali, faktor terakhir penubuhan pusat rawatan Islam ialah kepuasan diri. Manusia ialah makhluk yang cukup indah yang diciptakan dengan berbagai bagai cita rasa dan kehendak. Malah, hal ini jua yang menjadi faktor utama penubuhan pusat rawatan Islam. Pusat rawatan Islam yang diasaskan atas dasar kepuasan sendiri ini ialah daripada pusat rawatan yang mahu menegakkan cara rawatannya yang tersendiri dan mahu meluaskan pengaruhnya dalam bidang rawatan Islam sekali gus ia dapat merawat dengan caranya tersendiri.

## **Kedua: Perkhidmatan Pusat Rawatan Islam**




Berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan pusat rawatan Islam di Malaysia, kaedah rawatan bagi penyakit fizikal ialah yang paling banyak disediakan. Hal ini kerana ia mendapat permintaan yang tinggi dari masyarakat malahan ramai pesakit yang datang setiap hari mencari kesembuhan bagi penyakit fizikal seperti barah,



patah, batu karang, darah tinggi, strok dan kencing manis. Majoriti pesakit yang datang berubat di pusat rawatan Islam ialah golongan yang menghidap penyakit kronik, sudah tiada harapan untuk sembuh dan putus asa dengan kaedah rawatan secara klinikal. Perkhidmatan untuk menyelesaikan masalah gangguan mistik seperti saka, jin dan rasukan juga merupakan perkara wajib yang perlu ada di setiap pusat rawatan Islam. Ia juga antara perkara yang paling banyak dirujuk oleh masyarakat.

Selain itu, bagi penyakit psikologi seperti kemurungan, tekanan perasaan, histeria dan lain-lain masalah yang berkaitan gangguan fikiran, ia bukanlah masalah yang tidak diberi perhatian. Akan tetapi, ia amat rumit dan bergantung pada diri pesakit. Ia memerlukan kekuatan diri untuk mengatasinya. Para perawat dalam hal ini biasanya akan memberi khidmat nasihat agar pesakit lebih mendekati diri pada Allah SWT selain turut dibekalkan dengan bacaan amalan dan air penawar kepada pesakit. Manakala bagi perkhidmatan bekam, ia merupakan perkhidmatan yang jarang ditawarkan di pusat-pusat rawatan Islam. Pusat rawatan yang menyediakan perkhidmatan mengubati masalah gangguan mistik, masalah psikologi dan fizikal biasanya tidak menyediakan khidmat bekam oleh kerana sudah terlalu sibuk melakukan rawatan. Ia biasanya disediakan oleh pusat rawatan yang khusus untuk berbekam.

### **Ketiga: Teknik Utama Pusat Rawatan Islam**



Di samping itu, daripada tujuh puluh (70) pusat rawatan Islam yang menjadi subjek kajian, pengkaji mendapati bahawa sebanyak empat puluh lima (45) buah pusat rawatan Islam menggunakan


kaedah ruqyah, doa-doa dan zikir dalam rawatan. Inilah teknik yang paling popular dalam bidang rawatan Islam. Manakala, tujuh belas (17) pusat rawatan lain menggunakan cara bekam malah turut ditambah serta digabungkan dengan amalan ruqyah dalam rawatan. Manakala bagi kaedah rawatan secara aura dan ghaib, hanya sebanyak lapan (8) buah pusat rawatan mempraktikkannya. Rujuk graf di atas.

Dalam menyebut tentang kaedah rawatan Islam, tidak semua rawatan yang dipraktikkan menepati ciri-ciri rawatan Nabi SAW. Sebahagian dari kaedah rawatan yang dipraktikkan adalah yang bercanggah dengan syariat Islam, ada yang meragukan dan ada juga yang memerlukan penelitian dan perbincangan yang lebih terperinci untuk mengetahui status pengamalannya dalam rawatan penyakit. Kaedah dan teknik dalam rawatan yang digunakan sebenarnya bertitik tolak daripada sumber ilmu perubatan diperoleh. Kaedah dan cara rawatan yang dilakukan perawat merupakan praktis kepada ilmu yang diperolehi. Jika benar sumber ilmu yang didapati, maka jelaslah dan baiklah cara rawatan yang dipraktikkan.

Jadi, apa yang dapat dinyatakan di sini ialah perawat yang mendapat ilmu perubatan dari guru atau merujuk kepada guru (secara belajar) majoritinya menggunakan kaedah yang *thābit* dengan merawat secara ruqyah, bekam dan doa zikir. Manakala perawat yang mendapatkan ilmu secara mimpi dan ilham atau dari sumber yang tidak dapat dipastikan kebenarannya, majoritinya melakukan rawatan secara kaedah rawatan ghaib atau batin. Kesimpulannya, kaedah rawatan merupakan perkara yang penting dalam cara rawatan Islam. Hal ini merupakan perkara yang sering diperbahaskan dan dipertikaikan sesama pihak pusat rawatan Islam.

Seseorang perawat Islam sepatutnya mengenal pasti cara dan kaedah rawatannya terlebih dahulu dengan merujuk kepada al-Qur'an dan al-Hadith atau ulama' agar kaedahnya tidak meragukan dan tidak pula mengandungi unsur tipu daya jin. Malah, yang paling penting, selagi teknik rawatan tidak bercanggah dengan matlamat dan cara al-Qur'an dan al-Hadith, para perawat perlu bersikap tolak ansur dan meraikan antara satu sama lain meskipun berbeza teknik rawatan.

### Keempat: Bayaran Perkhidmatan Pusat Rawatan Islam



Akhirnya, apabila disebutkan mengenai bayaran perkhidmatan rawatan, ia sebenarnya tertakluk kepada cara pengasasnya mengendalikan sesebuah pusat rawatan agar ia dapat terus beroperasi dan memberi khidmat terbaik kepada masyarakat. Jadi, berdasarkan penelitian yang dilakukan, sebanyak tiga puluh enam (36) pusat rawatan Islam mengenakan bayaran yang telah ditetapkan bagi perkhidmatan rawatan yang diberikan. Ini tidak lain bertujuan untuk memastikan operasi pusat rawatan dapat berjalan lancar selain menampung kos sedia ada. Majoriti perawat yang mengenakan bayaran dalam rawatan ialah perawat secara sepenuh masa yang mengambil bayaran sebagai mata pencarian.

Manakala dua puluh tiga (23) pusat rawatan Islam lain hanya mengambil sumbangan ikhlas dari para pesakit berdasarkan keikhlasan dan kemampuan pesakit. Para perawat ini pula majoritinya adalah perawat secara separuh masa. Adapun sebelas (11) pusat rawatan Islam yang mengamalkan bayaran tetap dan sumbangan ikhlas dari pesakit. Mereka sebenarnya mengambil bayaran terhadap perkhidmatan yang memerlukan alatan, masa, tenaga seperti bekam dan khidmat rawatan seperti ruqyah hanya perlu dibayar mengikut kehendak pesakit.


### Penggunaan Jin dalam Rawatan Menurut Pandangan Pengasas Pusat Rawatan Islam di Malaysia

Dalam hal ini, masih terdapat perselisihan antara pengamal perubatan Islam di Malaysia. Berdasarkan kajian pengkaji, daripada tujuh puluh (70) orang pengasas pusat rawatan Islam yang ditemui, masih terdapat sembilan (9) orang pengasas yang

bersetuju dengan kaedah rawatan yang menggunakan jin atau menjadikan jin sebagai dampingan dalam rawatan. Antara pandangan sembilan (9) buah pusat rawatan tersebut ialah:

- Penggunaan jin dalam perjalanan rawatan alternatif adalah terpulang kepada perawat dengan syarat dia adalah pakar dan menjadi tuan kepada jin. Namun, jika dia menjadi hamba kepada jin, ini adalah salah dan tidak boleh dipraktikkan.
- Penggunaan jin dalam kedah rawatan Islam adalah terbahagi kepada dua. Pertama, harus penggunaan jin jika perawat tersebut menguasai jin sehinggakan jin menjadi tunduk kepadanya. Kedua, tidak boleh menggunakan jin dalam rawatan sekiranya perawat sendiri tidak cukup ilmu, tidak memiliki asas fardu ain yang sempurna kerana dikhuatiri akan ditipu oleh jin.
- Berhubung dengan penggunaan jin dalam rawatan Islam, ia dibolehkan dengan syarat perawat tersebut mampu mengawal jin tersebut. Namun, ia akan bertukar menjadi syirik dan berdosa jika jin berkuasa dan manusia mengharapkan pertolongan daripadanya.
- Penggunaan jin dalam aspek rawatan sebenarnya bergantung kepada ilmu perawat. Jika perawat memiliki ilmu dan darjat yang tinggi, dan dia mampu mengawal jin, maka dia boleh menggunakan jin. Akan tetapi, jika sebaliknya, tidak boleh menggunakan jin dalam aspek rawatan.
- Penggunaan jin dalam rawatan yang dijalankan adalah harus sekiranya jin itu merupakan jin Islam dan diharuskan berkawan dengan jin. Boleh meminta tolong kepada jin Islam. Namun, meminta tolong kepada jin kafir tidak boleh dan salah.
- Penggunaan jin dalam rawatan Islam adalah berdasarkan apa yang diharuskan (dibolehkan) penggunaannya dalam Islam, pasti tidak mendatangkan masalah kepada perawat. Perawat mestilah berkemampuan untuk mengawal jin tersebut dan ia boleh selagi jin tersebut tidak menguasai perawat.

Setelah diteliti latar belakang sembilan (9) pengasas pusat rawatan yang menyokong penggunaan jin dalam rawatan Islam, pengkaji dapat merumuskan bahawa perawat atau pengasas tersebut terdiri dari pelbagai latar belakang pendidikan. Hal ini ditunjukkan dalam graf di bawah:



Justeru, hal berkenaan penggunaan jin dalam rawatan Islam sememangnya tidak terhad kepada mana-mana perawat dan tidak mengenal latar belakang pendidikan seseorang perawat. Syaitan dan konco-konconya terbukti mampu mengelirukan dan menyesatkan, meskipun pada golongan yang berpendidikan agama. Bahkan penggunaan jin dalam rawatan turut disokong oleh para perawat yang memiliki kelulusan agama dari IPT dalam dan luar negara. Nabi SAW pernah bersabda:

عَنْ بِنِ مُعَاذِ جَبَلٍ، أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ قَالَ : إِنَّ الشَّيْطَانَ ذُنُوبَ الْإِنْسَانِ كَذُنُوبِ الْعَمَةِ  
يَأْخُذُ الشَّاةَ الْقَاصِيَةَ وَالنَّاحِيَةَ، فَإِيَّاكُمْ وَالشَّعَابَ، وَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ، وَالْعَامَةِ،  
وَالْمَسْجِدِ.

Terjemahan: Dari Mu‘az bin Jabal: Sesungguhnya Nabi SAW pernah bersabda: “Sesungguhnya syaitan itu adalah serigala kepada manusia, sebagaimana serigala yang membaham kambing, Dia akan membaham kambing-kambing yang terpisah dari kumpulannya. Jauhilah dari berpecah belah, hendaklah kalian berada di dalam satu jemaah (bersatu padu), orang ramai dan sentiasa melazimi masjid.”<sup>6</sup>

Namun, persamaan yang dapat ditemui ialah kesemua sembilan (9) pengasas yang pro terhadap penggunaan jin dalam rawatan adalah dari kalangan ahli tarekat atau tasawuf. Soalnya kini, apakah ukuran “memiliki ilmu dan darjat yang tinggi” yang menjadi garis panduan seseorang perawat untuk menguasai jin?

<sup>6</sup> Ahmad bin Hanbal, *Al-Musnad Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1995), 16, 172.

Adakah dengan mempelajari ilmu tasawuf dalam tariqat, perawat dapat menundukkan jin? Adakah manusia “mampu” menguasai dan mengawal jin meskipun jin Islam?

Jadi, hal ini jelas masih terdapat beberapa keraguan. Ini tidak langsung mampu menjadi fitnah yang akan menghilangkan keyakinan dan kebolehterimaan masyarakat terhadap pusat rawatan Islam sekali gus membantutkan perkembangannya di Malaysia.

Dari sudut perbahasan agama, penggunaan dan keterlibatan jin dalam rawatan yang dijalankan oleh para pengamal perubatan disebut sebagai *istighāthah*. Hukumnya haram dan telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia.<sup>7</sup>

*Istighāthah* dengan kuasa ghaib yang bertujuan untuk perubatan dan selainnya sudah lama wujud dalam budaya masyarakat Melayu. Amalan ini diwarisi dari masyarakat purba dan ajaran Hindu. Mereka percaya pada semangat, jin dan syaitan boleh memberi kebaikan dan kemudaratn pada manusia.<sup>8</sup> Firman Allah SWT:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا.

Terjemahan: “Dan bahawasanya ada beberapa orang lelaki di antara manusia meminta perlindungan kepada beberapa lelaki di antara jin, maka (bahkan) jin-jin itu menambah bagi mereka lagi dari dosa dan kesalahan.”

Al-Jinn 72:6

Ayat ini merupakan dalil pengharaman *istighāthah* dengan makhluk halus dan menerangkan tentang orang Arab Jahiliah yang suka meminta izin dan perlindungan dari jin dan makhluk halus jika melalui atau ingin berehat di sesuatu kawasan kerana dikhuatiri akan ditimpa musibah.<sup>9</sup> Termasuk dalam *istighāthah* yang dilarang Islam adalah *istighāthah* kepada jin dan syaitan, roh, kubur dan lain-lain. Hal ini tiada gunanya kerana semua makhluk

<sup>7</sup> Mohd Farhan Md Ariffin, “Khurafat dan Tahyul Serta Penyelesaiannya Menurut Hadith: Analisis Terhadap Filem Seram di Malaysia” (Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 32.

<sup>8</sup> Jawiah Dakir, dan Wan Awang Wan Ali, *Sunnah & Bidaah dalam Amalan Orang Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 153.

<sup>9</sup> Muhammad Fakh al-Dīn al-Rāzī, *Tafsīr Fakhr al-Rāzī Mafātiḥ al-Ghayb*, (Beirut: Dār al-Fikr li Ṭaba’ah wa Nashr waTawzi’, 1981), 156.

adalah lemah di sisi Allah SWT dan perbuatan ini termasuk dalam perbuatan syirik.

Tidak dinafikan bahawa memohon pertolongan jin dan makhluk halus adalah satu bentuk khurafat, kemusyrikan dan kekafiran. Ini telah menyebabkan jatuh hukum syirik ke atasnya kerana meletakkan kebergantungan dan kesembuhan pada jinnya dan bukan pada Allah SWT. (Al-Qurṭubī)<sup>10</sup>

*Istighāthah* sesama makhluk dengan meyakini bahawa makhluk tersebut dapat memberi kesan kepada permintaannya adalah sama seperti orang lemas meminta tolong kepada orang lemas dan banduan dengan banduan. Kedua-duanya tiada berguna. Hanya Allah SWT yang Maha Berkuasa ke atas tiap sesuatu. Mengapa perlu meminta kepada yang lain? (Ibn Taymiyyah)<sup>11</sup>

Nabi SAW lengkap mengajarkan tentang cara *istighāthah* yang sebenar dalam Islam iaitu:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ : كُنْتُ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ يَوْمًا، فَقَالَ : يَا عَلَّامُ، إِنِّي  
أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ : احْفَظْ اللَّهَ يَحْفَظْكَ احْفَظْ اللَّهَ يَجِدْهُ يُجَاهَكَ إِذَا سَأَلْتَ  
فَاسْأَلِ اللَّهَ وَإِذَا اسْتَعْنَيْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ  
يَنْعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ، وَلَوْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ  
يَضْرُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضْرُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ.

Terjemahan: Dari Ibn ‘Abbas r.a., beliau berkata: Aku pernah berada di belakang Rasulullah SAW dan Baginda bersabda: “Wahai anak muda, peliharalah (ajaran) Allah SWT, nescaya Dia akan memelihara engkau, dan peliharalah (agama) Allah SWT, (nescaya) engkau akan mendapatkannya di hadapanmu, jika engkau meminta sesuatu, mintalah pada Allah SWT, dan jika engkau mahu meminta pertolongan, mintalah pada Allah SWT. Dan ketahuilah jika seluruh umat (dari manusia) sekalipun yang berkumpul untuk memberikan manfaat (kebaikan) pada kamu, tidak akan terjadi sedemikian kecuali dengan ketentuan-Nya, dan jika mereka semua

<sup>10</sup> Wahid Abdus Salam, *Jin & Syaitan, Serta Penyakit Akibat Sihir: Panduan Pencegah dan Merawatnya* (Kuala Lumpur: Darul Nu‘man, 1996), 32.

<sup>11</sup> Jawiah Dakir, dan Wan Awang Wan Ali, *Sunnah & Bidaah dalam Amalan Orang Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 160.

berkumpul untuk memudaratkan (melakukan kejahatan) padamu, tidak akan terjadi kecuali dengan ketentuan-Nya.”<sup>12</sup>

Justeru, sudah jelas bahawa penggunaan jin atau khadam dalam sesi rawatan yang dijalankan perawat hukumnya syirik. Wahid al-Salambali yang cukup dikenali sebagai bapa perintis ilmu perubatan Islam juga pernah menyatakan bahawa haram menggunakan khadam jin dalam rawatan di dalam kitabnya karangannya, *Waqiyyah al-Insān min al-Jinn wa al-Ins*. Manusia hanya boleh meminta kepada Allah SWT dan berserah kepada-Nya.

Malah, golongan jin dan manusia bukanlah dari dunia yang sama yang tidak memungkinkan manusia untuk bergaul mesra dengannya. Apatah lagi untuk memohon pertolongan. Jika tidak, mengapa Allah SWT perlu menutup *hijab* manusia dari dapat melihat jin? Sebaliknya, golongan jin yang patut meminta tolong kepada manusia kerana manusia adalah khalifah bumi dan bukan sebaliknya.

Golongan jin sangat takut kepada manusia. Ia tunduk dan patuh pada manusia,<sup>13</sup> kerana kita adalah khalifah besar di muka bumi ini. Kita perlu berwaspada dengan tipu daya jin dan syaitan dengan meletakkan kebergantungan hanya pada Allah SWT dan segala makhluk tidak ada kuasa untuk memberi kemudahan kecuali dengan keizinan-Nya. (Ibn Abī Hātim)

Malah, berdasarkan hasil metode temu bual dengan para pengamal perubatan Islam lainnya yang anti kepada penggunaan jin dalam rawatan, mereka turut bersetuju dengan pengharaman penggunaan jin dalam rawatan. Berikut adalah antara pendapat yang diutarakan perawat berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka:

- Kaedah rawatan yang menggunakan jin adalah salah dan rata-rata penyakit yang dirawat menggunakan kaedah jin akan datang kembali walaupun telah sembuh.

---

<sup>12</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhī dalam Kitab *Ṣifat al-Qiyāmah*, Bab *Mā Jā’ fi al-Ṣifat Awānī*. Lihat Abu ‘Isa al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith 2516, (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li Nashr wa al-Tawzi’, t.t.), 567.

<sup>13</sup> Abdul ‘Aziz ‘Ismail, *Rahsia Makhluk Halus* (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications, 2011), 199.



- Penggunaan jin dalam rawatan sememangnya menyerlahkan kelebihan seseorang perawat. Namun, semua itu hanyalah bersifat sementara dan tidak kekal lama. Selain itu, ia boleh menjatuhkan iman seseorang. Hal ini kerana, jin adalah makhluk yang penuh dengan tipu helah yang cukup halus. Tujuannya untuk menyesatkan manusia. Walaupun didatangi jin Islam lagi suci, ia akan tetap mengenakan manusia dan jin juga merupakan makhluk yang suka menipu.
- Penggunaan jin dalam aspek rawatan Islam adalah haram. Biasanya, jin mempunyai gelombang dan frekuensi tertentu dan ia dapat dikenal pasti oleh orang berpengalaman. Tipu daya jin sememangnya cukup halus dan mampu mempengaruhi manusia terutama melalui minat dan kegemaran seseorang. Misalnya, bagi seseorang yang minat kepada ilmu persilatan, kebiasaannya dapat merawat. Ini disebabkan sanad rawatan yang diperolehi daripada ilmu persilatan itu selalunya turut disertai unsur percampuran jin.
- Penggunaan jin dalam perjalanan rawatan Islam adalah salah. Jin merupakan makhluk yang berlainan dengan manusia. Manusia tidak boleh berkawan dengan jin, apatah lagi meminta tolong kepadanya.
- Penggunaan jin hanya mendatangkan mudharat pada manusia. Nabi SAW dan para sahabat r.a juga tidak pernah meminta pertolongan daripada jin atau makhluk halus. Melihat dan menguasai jin adalah mukjizat para Nabi dan Rasul r.a dan manusia biasa tidak akan mampu menguasainya oleh kerana tipu daya jin amatlah licik.
- Penggunaan jin dalam rawatan Islam adalah salah dan akhirnya cucu cicit yang akan menderita. Orang yang memelihara jin akan memberi kesan negatif kepada keturunannya sehingga ada antara mereka yang menghidap penyakit “sindrom down” dan gila tanpa disedari akibat perbuatan jahat jin peliharaan.
- Penggunaan jin dalam rawatan Islam ternyata salah dan boleh menjatuhkan seseorang dalam lembah kesyirikan. Hal ini kerana para ulama’ telah bersepakat haram meminta tolong jin. Puncak permohonan hanya pada Allah SWT. Pusat rawatan Islam yang bercampur baur antara penggunaan jin dan ayat suci al-Qur’an adalah fasid (rosak). Penggunaan dan pembabitan jin dalam bidang rawatan Islam merupakan suatu bentuk kekufuran kepada Allah SWT.

## **Penutup**

Justeru, daripada penelitian yang telah dijalankan, makalah ini telah mendedahkan tentang realiti perkembangan pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia. Relaitinya, pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia memiliki potensi untuk berkembang dengan lebih jauh melangkaui sempadan negara. Pertumbuhan pusat rawatan alternatif Islam itu didasari atas pelbagai alasan dan tujuan daripada pengasas yang datang dari pelbagai latar belakang. Justeru, para pesakit perlu celik dan peka dengan perawat dan suasana dalam pusat rawatan yang dikunjungi bagi memastikan bahawa kelayakan sebagai perawat Islam yang bebas daripada amalan perbomohan yang menyimpang atau penggunaan jin sebagai pembantu dalam rawatan. Sedangkan dalam Islam, hal tersebut jelas dilarang.

Dari itu, disarankan kepada anggota masyarakat agar bijak dalam menilai serta memenuhi lunas-lunas syara' dalam mencari kesembuhan. Ini tidak lain agar dapat melalui ujian Allah SWT berupa penyakit dan musibah dengan cemerlang. Biarlah kesembuhan itu datangnya dari redha Allah SWT dan bukannya dari jin. Tidak boleh sama sekali berubat dengan perkara yang meragukan. Apatah lagi cuba dirawat oleh jin. Jika ditanya manamana pesakit di pusat rawatan alternatif Islam, nescaya tidak akan ada seorang pesakit pun yang suka dirawat oleh jin.

## **Bibliografi**

- Abdul 'Aziz 'Ismail. *Rahsia Makhluk Halus*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications, 2011.
- Abū al-Munzir Khaleel Ibn Ibraaheen Ameen. *The Jinn and Human Sickness: Remedies in The Light of Qur'an and Sunnah*, terj. Nasiruddin al-Khattab. Riyadh: Darussalam, 2005.
- Abu Ameenah Bilal Philips. *Ibn Taymiyah's Essay on the Jinn (Demons)*. Riyadh: International Islamic Publishing House, 2007)
- Al-Juwaranī, Abū al-'Aliyyah Muḥammad bin Yūsuf. *Cara Merawat Penyakit Sihir dan Ayat-Ayat Ruqyah*, terj. H. Muhammad Zuhiryan. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2009.

- Al-Qurṭubī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-. *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’an*. Cet. 1. Beirut-Lubnan, Syria: Muassasah al-Risālah, t.t.
- Al-Rāzī, Muḥammad Fakhr al-Dīn. *Tafsīr Fakhr al-Rāzī Mafātiḥ al-Ghayb*. Lubnan-Beirut, Syria: Dār al-Fikr li Ṭabā’ah wa Nashr wa Tawzi’, 1981.
- Al-Ṭabarī, Abī Ja‘far Muḥammad bin Jarīr. *Tafsīr al-Ṭabarī, Jāmi’ al-Bayān ‘an Ta’wil Ay al-Qur’an*. Cet. 1. Ḥajr: Ḥajr lil Ṭabā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’ wa al-I’lan, 2001.
- Al-Tirmidhī, Abū ‘Isā. *Sunan al-Tirmidhī*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li Nashr wa al-Tawzi’, t.t.
- Hanbal, Ahmad ibn. *Al-Musnad Imam Ahmad bin Muḥammad bin Hanbal*. Kaherah, Mesir: Dār al-Ḥadīth, 1995.
- Ibn Abī Ḥātim, ‘Abd Raḥman bin Muḥammad bin Idrīs al-Rāzī. *Tafsīr Ibn Abī Ḥātim*. Cet. Riyadh: Maktabah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyyah, 1997.
- Jahid Sidek. *Berpawang dan Bersahabat dengan Jin dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2004.
- Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali. *Sunnah Dan Bidaah Dalam Amalan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Khadher Ahmad dan Mohd Farhan Md Ariffin. *Khurafat Tahyul dan Teknik Mistik dalam Rawatan Alternatif*. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan (SHP-KPT 2013). Anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, 2-3 Julai 2013.
- \_\_\_\_\_. Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam: Analisis Perkembangan dan Hala Tujunya di Malaysia. *Jurnal ILIM: Institut Latihan Islam Malaysia*, vol. 6. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2013.
- \_\_\_\_\_. Pusat Rawatan Islam di Malaysia: Antara Tanggungjawab dan Keuntungan. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan (SHP-KPT 2013). Anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, 2-3 Julai 2013.
- Khadher Ahmad dan Rushdi Ramli. Hukum Semasa Dalam Rawatan Islam: Isu Terhadap Pengamalan Kaedah “Scanning” dalam Rawatan Penyakit Gangguan Makhluq Halus. Prosiding

- Seminar Hukum Islam Semasa VII. Anjuran: Jabatan Fiqh dan Usul. Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011.
- Khadher Ahmad, dan Ishak Suliaman. Hadith-hadith Mengenai Sihir dan Rawatannya dalam Al-Kutub Al-Sittah: Satu Analisis Kualitatif. *Al-Bayan: Journal of Al-Qur'an & Al-Hadith*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011.
- Khadher Ahmad, et.al. Seni Perubatan Alternatif di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, vol.4. Perak: Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, 2013.
- Khadher Ahmad. Analisis Hadith-hadith Mengenai Rawatan Sihir dalam Al-Kutub Al-Sittah: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia. (Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.
- Mohd Farhan Md Ariffin. Khurafat dan Tahyul Menurut Hadith: Kajian Terhadap Filem Seram Malaysia. Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.
- Rushdi Ramli. *Azimat, Jampi, Sihir dan Berubat Menurut Islam*. Petaling Jaya, Selangor : Intel Multimedia and Publication, 2013.
- Wahid Abdul-Salam. *Jin & Syaitan serta Penyakit Akibat Sihir: Panduan Mencegah dan Merawatnya*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1996.
- Zaharuddin Abd Rahman. *Siri Soal Jawab, Mutiara Akidah dan Ibadah*. Shah Alam: Grup Buku Karangkrif, 2011.